

Al-Qur'ān al-Karīm Pusat Kebudayaan Dunia

Sejarah Perkembangannya dari Zaman ke Zaman

Mengambil sempena Hari Peraduan al-Qur'ān al-Karīm seluruh Persekutuan Tanah Melayu yang julung-julung kali diadakan di bawah anjuran kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dari 18 hingga 22 Mac 1960, dan tiap-tiap tahun, di sana sini kedengaran Majlis *Nuzūl al-Qur'ān* diraikan, maka elok rasanya umat Islam mengetahui serba sedikit sejarah al-Qur'ān yang mengandungi 30 juzuk, 6666 ayat, 77, 450 kalimah, 1, 000, 000, 520, 000 huruf dan 114 “*sūrah*” supaya dapatlah kita mengetahui bagaimanakah al-Qur'ān berkembang.

Oleh: Putera Abadi

Al-Qur'ān yang mulia, diturunkan oleh Tuhan yang Maha Besar pada bulan Ramadan al-Mubāarak. Buktinya tersunting nyata dalam lipatan al-Qur'ān pada surah al-Baqarah ayat 185, sebagaimana firman Allah yang bermaksud:	di Gua Hirā' yang terletak 6 batu ke utara Mekah iaitu ayat 1 – 5 surah al-'Alaq yang maksudnya: “Bacalah! (Wahai Muḥammad) dengan nama Tuhanmu yang mencipta. Menjadikan manusia dari seketul darah yang merah menyala. Bacalah! Tuhanmu yang Maha Mulia. Tuhan yang mengajar manusia dengan pena. Tuhan yang mengajar manusia apa yang tidak diketahui oleh mereka.”
“Pada bulan Ramadan yang bahagia Diturunkan Qur'ān yang mulia Membawa pertunjuk kepada manusia Membawa obor yang terang nyata Membezakan antara benar dan salah – baik dan celaka”.	
Ayat yang pertama diwahyukan kepada junjungan Nabī Muḥammad ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam pada 17 Ramadan bersamaan 6 Ogos 610 M. atau 27 Ramadan bersesuaian 16 Ogos 610 M. (bersalahan ahli sejarah menentukan tarikhnya) sewaktu baginda beribadat	Tak berapa lama kemudian, turun pula ayat 1-10 surah “al-Muddaththir” yang maksudnya: “Wahai orang yang berselimut. Bangunlah membawa berita yang menakut Dan besarkanlah Tuhanmu

Dan bersihkanlah pakaianmu.

Dan hindarkanlah berhala yang membisu.

Dan janganlah kamu memberi hadiah kerana mengharap
balasan yang beribu-ribu.

Dan bersabarlah kerana Tuhanmu.

Manakala ditiup serunai sangkakala.

Itulah hari susah sengsara.

Terhadap orang-orang kafir yang susah menderita.

Tiap-tiap sesuatu ada permulaan dan ada

kesudahannya. Maka pada hari Jumaat 9 Zulhijjah tahun
kese puluh Hijrah bersesuaian dengan bulan Mac 632 M.
sewaktu baginda sedang berhenti di padang Arafah kerana
mengerjakan haji yang penghabisan, turunlah ayat al-Qur'an
yang akhir sekali turunnya, yang bermaksud:

““Pada hari ini Aku sempurnakan bagi kamu
agama kamu.

Dan Aku sempurnakan di atas kamu nikmatku.

Dan Aku redakan Islam menjadi agama kamu.”

– 3: Surah al-Mā'idah

Begitulah isi al-Qur'an diturunkan beransur-ansur
ke alam dunia ini, dari satu ayat ke satu ayat,
supaya umat Islam tidak merasa keberatan menerima
hukum-hukum dan menghapuskan adat pusaka yang salah
yang telah sekian lama mencari teras kebuayaan¹ mereka. Oleh
kerana al-Qur'an diturunkan secara ini, maka tentulah
ayat-ayat al-Qur'an tidak teratur seperti yang ada pada hari
ini, bahkan bercerai-cerai dari satu ayat dengan satu
ayat yang lain. Jadi, ayat-ayat yang berasingan itu
tentulah berhajat kepada penyusunan sehingga terkumpul
seperti yang ada sekarang ini.

Mengumpulkan al-Qur'an

Pada masa Sayyidinā Abū Bakr menjadi khalifah iaitu
pada tahun 14 Hijrah, telah berlaku suatu peperangan
antara orang-orang Islam dengan puak Musaylamah al-Kadhdhāb
yang mengaku dirinya menjadi Nabī di daerah Yamamah.
Bukan sedikit bilangan orang-orang Islam dan sahabat-sahabat Nabī
yang gugur dalam peperangan ini, lebih 70 orang yang hafaz
Qur'an terkorban syahid.

Setelah Sayyidinā 'Umar ibn al-Khaṭṭāb mendengar berita
ini, beliau pun mengadap Khalifah Abū Bakr, berunding untuk
mengumpulkan Qur'an, supaya ayat Qur'an tidak akan
hilang di antara orang-orang Islam dan dapatlah menjadi
pusaka kepada orang-orang Islam yang kemudian hari.

Sayyidinā Abū Bakr tidak berani untuk mengumpulkan
Qur'an, kerana takut-takut terjumlah ke dalam bid'ah yang ditegah.
Tetapi sebaliknya pula Sayyidinā 'Umar menegaskan bahawa
perkara ini bukanlah bidaah, bahkan suatu perkara yang
baik yang harus dilakukan. Akhirnya Sayyidinā Abū Bakr
pun bersetuju, setelah sahabat-sahabat Nabī mengambil
keputusan bahawa al-Qur'an mestilah dikumpulkan, lalu
diserahkan perkara ini kepada ahli-ahli yang mahir dalam hal
ini termasuklah Sayyidinā Zayd bin Thābit, yang telah menulis
akan al-Qur'an semasa Nabī Muḥammad ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam
masih hidup dengan perintah baginda.

Cara mengumpulnya ialah dengan mendengar bacaan daripada
sahabat-sahabat yang hafaz Qur'an, kemudian disalin sama ada
daripada sahabat-sahabat Nabī yang hafaz atau disalin daripada
tulisan al-Qur'an yang telah dicatit di atas sesuatu benda.
Kemudian setelah disalin daripada bacaan sahabat-sahabat Nabī yang
hafaz atau daripada tulisan-tulisan, disemak semula oleh
sahabat-sahabat Nabī yang hafaz Qur'an dengan teratur dan rapi.

¹ Kesalahan teks. Sepatutnya “kebudayaan”.

Setelah sempurna ayat al-Qur’ān dikumpulkan, lalu diserahkan kepada Sītī Ḥafṣah Umm al-Mu’minīn – isteri Junjungan supaya disimpannya dengan baik. Manakala Sayyidinā ‘Uthmān bin ‘Affān menjadi khalifah, sekali lagi lagi al-Qur’ān disalin (dan dihantarkan beberapa naskahnya ke daerah-daerah Islam yang was² itu – P.) sehinggalah menjadi seperti yang ada pada hari ini.

Al-Qur’ān Dicetak

Setelah sekian lama al-Qur’ān dikumpulkan, tetapi belum berbaris dan huruf-hurufnya belum bertitik, maka Imām al-Khalīl ibn ‘Aḥmad (meninggal dunia dalam tahun Hijrah 170) pun menciptakan baris al-Qur’ān dan huruf-hurufnya dibubuh titik untuk menyenangkan orang-orang membacanya.

Khusyukkah Sembahyang Tuan?

“Dalam kita sujud dalam kita meletakkan dahi di bumi, rasakanlah akan kehinaan diri bahawa kita ini berasal dari setitik air yang hanyir dan akan kembali menjadi bangkai yang busuk yang tidak ada harganya” – kata Kiyai Muhammad Hasbi Ash-Shiddieqy. Kita manusia tidak ada kekuatan dan tidak ada harga, kerana itu latihlah diri supaya khusyuk di dalam sembahyang. Salah satu caranya bacalah ucapan Kiyai Muhammad Hasbi.

Sujudlah Kepada TuhanMu!

Disusun oleh ‘Idrūs.

Sebuah buku serial syarahan 2 yang diterbitkan oleh Qalam. Senaskah hanya 40 sen sahaja. Ukuran kecil.

Begitulah al-Qur’ān, semakin hari semakin diperbaiki dan diperkemas tulisannya dan pada tahun 1694 Masihi bagi pertama kalinya al-Qur’ān dicetak pada percetakan di negeri Hamburg Jerman. Keadaannya sepertilah yang kita lihat pada hari ini.

Menterjemahkan al-Qur’ān

Bukan saja orang-orang Islam yang mengambil berat tentang al-Qur’ān, dan ingin mengetahui intisarinnya yang mengandungi beraneka ilmu pengetahuan, bahkan juga bangsa-bangsa di dunia ini, telah membongkar isi perbendaharaannya dengan cara menterjemahkan al-Qur’ān ke bahasa mereka, supaya dapatlah mereka menyedut mutiaranya untuk dipergunakannya dan mengambil faedah daripadanya. Di bawah ini, saya peturunkan bangsa-bangsa yang telah menterjemahkan al-Qur’ān ke bahasa mereka:

1. Orang Inggeris telah menterjemah dan mencetaknya	55 kali
2. “ Perancis	39 “
3. “ Jerman	19 “
4. “ Itali	10 “
5. “ Belanda	9 “
6. “ Sepanyol	7 “
7. “ Punjabi	5 “
8. “ China	4 “
9. “ Sweden	3 “
10. “ Denmark	2 “
11. “ Orang-orang Bulgaria, Jepun dan Hindu	1 “

Sekianlah serba ringkas berkenaan dengan sejarah al-Qur’ān. Semoga dapatlah kita mengetahui perkembangan al-Qur’ān dari mula turunnya hingga isi al-Qur’ān terkumpul seperti yang kita lihat pada hari ini.

²Kesalahan teks. Sepatutnya “luas”.